



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: +603-60332020 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

FAMA BUKA PELUANG LATIHAN INDUSTRI, PERKASA BAKAT MUDA DALAM SEKTOR AGROMAKANAN

SELAYANG, 10 APRIL 2026 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), terus komited dalam memperkasa pembangunan bakat muda dengan membuka peluang kepada pelajar untuk menyertai program latihan industri dalam sektor agromakanan.

Program ini terbuka kepada pelajar peringkat Diploma dan Ijazah dalam pelbagai bidang kritikal termasuk Ekonomi, Pemasaran, Pengurusan Perniagaan, Perniagaan Tani dan Pengurusan Perladangan.

Selain itu, pelajar daripada bidang teknikal dan profesional seperti Kejuruteraan, Statistik, Undang-Undang, serta bidang gunasama merangkumi Pengurusan Sumber Manusia, Multimedia, Kewangan dan Teknologi Maklumat turut digalakkan untuk memohon.

Pengerusi FAMA, YBrs. Tuan Haji Aminuddin Bin Zulkipli berkata, pemberian elaun latihan industri akan disediakan berdasarkan peruntukan yang diluluskan serta tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa agensi.

Menurut beliau, pelajar yang mengikuti latihan industri di FAMA akan didedahkan secara menyeluruh kepada operasi harian merangkumi keseluruhan rantai nilai industri agromakanan.

Antaranya termasuk pengalaman di Pusat Memproses Makanan FAMA Rengit (PMMFR), yang membolehkan pelajar memahami proses penghasilan produk bermula daripada peringkat ladang sehingga ke pemasaran di outlet seperti Agrobazaar.

Selain itu, pelajar turut didedahkan kepada aspek pengurusan logistik dan rantai bekalan melalui penglibatan secara langsung dalam aktiviti lapangan seperti pengumpulan hasil pertanian, termasuk mangga Harumanis di Perlis dan tembikai di Terengganu, bagi memastikan kualiti produk terpelihara sehingga sampai kepada pengguna.

Dalam usaha memperkaya pengalaman pelajar, mereka juga berpeluang terlibat dalam program berskala besar seperti Jualan Agro MADANI (JAM) dan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA). Penglibatan ini memberi pendedahan dalam aspek pengurusan acara, penyelarasan logistik serta interaksi bersama pelanggan.

Pada masa yang sama, FAMA turut memberi penekanan terhadap pematuhan piawaian industri bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Ini termasuk pendedahan kepada prosedur serta keperluan pensijilan penting seperti Sijil Halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), serta standard kualiti lain yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pelajar yang berminat boleh memuat turun borang rasmi Latihan Industri melalui laman sesawang rasmi FAMA di www.fama.gov.my/borang. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui emel kepada latihanindustri@fama.gov.my. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan dengan menghubungi talian 03-6033 2020.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Korporat & Advokasi FAMA Ibu Pejabat
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
10 APRIL 2026**